

Empat Mahasiswa UMS Wakili Negara ke WCOA California Julai Depan

Terakhir dikemaskini: Isnin, 16 April 2018 16:43 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 884

[Kongsi 77](#)
[Syorkan 77](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


ISNIN, 16 APRIL - Empat mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan mewakili negara ke Pertandingan World Of Championships of Performing Arts (WCOA) 2018 di California, Amerika Syarikat pada 06 Julai depan.

Pencapaian itu terhasil atas kejayaan cemerlang ketika menyertai empat kategori WCOA peringkat kebangsaan yang berlangsung di South Gateway Mall, Bangsar Kuala Lumpur baru-baru ini.

Pada pertandingan tersebut menyaksikan Dayang Nurazreen Salbador dinobatkan sebagai juara Kategori Vokal melalui lagu bertajuk Kurniaan Dalam Samaran sekali gus membawa pulang medal emas dan biasiswa bernilai USD3,000

daripada WCOA.

Medal emas yang kedua dimenangi oleh Quenner Mitchell yang memainkan muzik tradisi Sabah melalui Kategori Muzik Instrumental Bamboo (Binabab) sekali gus menerima biasiswa USD1,500.

Quenner turut meraih medal emas bagi Kategori Tarian Duet Lelaki dan Perempuan bersama pasangannya yang juga mahasiswa UMS Keren Len John.

Kejayaan itu membolehkan mereka dinobatkan sebagai penerima biasiswa bernilai USD3,000.

Walau bagaimana pun Quenner dalam Kategori Duo Lelaki dan Perempuan hanya mampu meraih biasiswa USD1,500 bersama pasangan duo Merald Omel Redick.

Namun kesemua mereka tetap bersama-sama untuk mewakili negara pada kejohanan peringkat dunia di California.

Turut menyaksikan pertandingan peringkat kebangsaan, Pensyarah Pembimbing dari Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Sharip Zainal Sagkif Shek, Artis Budaya Kanan UMS, Norain Abd Razak dan Artis Budaya, Ahmad Rafiandie Awang.